

Pusat Rawatan Herbalogi anjur program rawat sihat

sh 18/07/08 pg. Tik

KUALA TERENGGANU – Pusat Rawatan Herbalogi menganjurkan program rawat sihat di Dewan Sultan Mizan Zainal Abidin, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sempena pesta konvokesyen.

Perunding rawatan pusat ini, Aminah Harun, berkata pemeriksaan kesihatan ini diadakan secara percuma untuk orang ramai.

“Pemeriksaan terbuka kepada semua dan kami turut memberi khidmat nasihat cara pemakanan betul terutama kepada mereka yang berumur kerana individu sudah berusia mudah terdedah kepada pelbagai penyakit bahaya,” ujarnya.

Katanya, jika orang ramai ingin mendapat

maklumat perubatan yang sesuai untuk mereka, nasihat dan cadangan akan diberikan dan jika tidak berkesempatan ke sini boleh terus ke Pusat Rawatan Herbalogi, di Kampung Tok Jembal.



AMINAH HARUN